



Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Bantuan kepada orang2 cacat

**PENGARAH** Urusan Berita Publishing, Encik Nik Ibrahim Kamil (kiri) menyampaikan cek bernilai \$70,000 kepada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Ali (kanan) yang juga presiden Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat (PPOC) di majlis penyampalan cek Tabung Kebajikan Pertunjukan Fesyen Gala Her

World di Bangunan The New Straits Times, Kuala Lumpur semalam.

Wang tersebut dikutip dalam satu majlis malam anjuran majalah Her World baru-baru ini.

Di majlis tersebut, Datin Seri Dr. Siti Hasmah melahirkan kegembiraannya kerana semakin ramai orang berpendapatan lumayan bermurah hati.

Tambahnya, menghulurkan bantuan kepada orang-orang yang kurang bernasib baik secara tidak langsung menebalkan keazaman orang-orang cacat untuk hidup seperti orang-orang biasa.

Di tengah ialah pengarang Her World, Puan Ayesha Harben. — Gambar Berita Harian.